

BAB 2

BANTUAN

KECEMASAN

LATIH TUBI

BAB 2.2 HEIMLICH MANOEUVRE

Nama Penuh :


Tingkatan :

A. Sila pilih jawapan yang betul.

1. Antara situasi berikut, yang manakah keadaan yang membolehkan kaedah Heimlich Manoeuvre dilakukan?

- A. Tiada respon terhadap rangsangan
- B. Tidak bernafas
- C. Tercekik
- D. Tiada degupan jantung


2. Rajah berikut menunjukkan antara langkah-langkah teknik Heimlich Manoeuvre KECUALI..



3. Antara berikut, pernyataan yang manakah betul mengenai Heimlich Manoeuvre?

- A. Teknik tolakan abdomen
- B. Tekanan di dada
- C. Hembusan ke mulut
- D. Hembusan mulut dan tekanan di dada

4. Rajah di bawah menunjukkan pergerakan makanan. Apakah organ yang memastikan makanan tersebut tidak masuk ke laluan pernafasan?



- A. Trakea
- B. Epiglotis
- C. Esofagus
- D. Bolus

5. Situasi berikut menunjukkan seseorang itu memerlukan kaedah Heimlich Manoeuvre KECUALI?

- A. Tidak dapat bercakap dan batuk
- B. Tiada degupan jantung
- C. Kulit bibir dan kuku kebiruan
- D. Memegang leher dengan kedua-dua tangan

6. Apakah kesan kepada otak jika seseorang itu tercekik?

- A. Tidak dapat mentafsir impuls
- B. Otak tidak dapat oksigen mencukupi
- C. Rangsangan dan gerak balas akan lambat dan perlahan
- D. Jantung berhenti berdegup dengan serta merta

7. Bagaimanakah kaedah Heimlich Manoeuvre boleh digunakan terhadap ibu yang mengandung?

- A. Tekanan di belakang badan
- B. Kedudukan tangan di pangkal tulang dada
- C. Lakukan hembusan mulut ke mulut sahaja
- D. Tekanan di dada dengan laju

8. Bagaimanakah teknik Heimlich Manoeuvre boleh digunakan terhadap bayi yang tercekik?

- A. Tepuk bahagian tengah belakang badan bayi
- B. Lakukan teknik Heimlich seperti biasa
- C. Lakukan hembusan mulut
- D. Baringkan bayi dengan cara telentangkan badan bayi

9. Bagaimanakah sentakan kuat pada dada dapat mengeluarkan objek yang tersekat di saluran pernafasan?

- A. Jantung dapat berdegup kembali dan mengalirkan darah ke seluruh badan
- B. Peparu dalam dada dapat oksigen yang mencukupi
- C. Tekanan dalam peparu akan menolak objek keluar dari saluran pernafasan
- D. Epiglotis akan tertutup semula akibat sentakan

10. Adakah tercekik boleh menyebabkan kematian? Terangkan jawapan anda.

- A. Tidak, kerana jantung masih berdegup
- B. Ya, kerana darah tidak mengalir ke seluruh badan
- C. Tidak, kerana otak masih berfungsi seperti biasa
- D. Ya, kerana otak tidak dapat oksigen yang mencukupi.